



**KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI,  
ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**  
MINISTRY OF ENERGY, SCIENCE, TECHNOLOGY, ENVIRONMENT, & CLIMATE CHANGE

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM  
*RESEARCHER-INDUSTRY SCIENTIFIC EXCHANGE*  
(RISE)**



**2019**

## SENARAI KANDUNGAN

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Muka surat</b>
1.	Maklumat Umum	3
2.	Permohonan	10
3.	Penilaian	12
4.	Keputusan dan Penempatan	15
5.	Pemantauan	17
6.	Peranan	18

**Lampiran A** – Terma Rujukan Jawatankuasa Teknikal

**Lampiran B** – Terma Rujukan Jawatankuasa Penilaian dan Pemandaran

**Lampiran C** – Cadangan Terma dan Syarat Perkhidmatan

## **BAHAGIAN 1**

### **MAKLUMAT UMUM**

#### **1.1 Pengenalan**

1.1.1 Program *Researcher-Industry Scientific Exchange* (RISE) merupakan inisiatif Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) mewujudkan kerjasama yang lebih erat antara penyelidik di institusi penyelidikan awam khususnya di MESTECC dengan pihak industri.

1.1.2 Inisiatif ini telah diumumkan dalam pembentangan Belanjawan 2019 di bawah Fokus Ketiga : Memupuk Budaya Negara Keusahawanan di bawah Strategi 9 : Mencetuskan Kuasa Ekonomi Baharu. Dalam pembentangan tersebut, sebagai salah satu langkah bagi melonjakkan Industri 4.0, Kerajaan akan memperkenalkan program pemetaan penyelidik untuk menempatkan sekurang-kurangnya 100 orang penyelidik dengan sektor swasta di mana yang kos penempatan akan dibiayai oleh Kerajaan.

#### **1.2 Kumpulan Sasar**

Kumpulan sasar bagi program RISE ini adalah syarikat yang berdaftar di Malaysia dan penyelidik tempatan yang berkhidmat di institusi penyelidikan awam, syarikat berkaitan Kerajaan dan syarikat dengan jaminan Kerajaan di MESTECC.

### **1.3 Skop**

Skop bagi pelaksanaan program RISE ini melibatkan :

#### **i. Penyelesaian masalah**

Penempatan penyelidik di industri bagi membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam proses kerja seharian atau bagi menambah baik produk dan perkhidmatan sedia ada.

#### **ii. Berasaskan projek**

Penempatan penyelidik di industri untuk menyertai pasukan projek bagi membangunkan produk atau perkhidmatan baharu.

### **1.4 Pendekatan Perkongsian**

Program ini menawarkan empat (4) kaedah perkongsian kepakaran penyelidik di institusi penyelidikan awam kepada pihak industri, iaitu :

- i. Penyelidikan;
- ii. Konsultasi;
- iii. Pemindahan teknologi; dan
- iv. Latihan

### **1.5 Matlamat**

Cadangan mewujudkan inisiatif RISE bermatlamat untuk membantu industri dalam mengadaptasi teknologi terkini, meningkatkan keupayaan inovasi, produktiviti serta penambahbaikan proses dan sistem melalui perkongsian kepakaran di samping membangunkan kapasiti penyelidik dalam bidang penyelidikan dan pembangunan.

## 1.6 Objektif

Objektif program RISE adalah seperti berikut :

- i. Membantu industri mengadaptasi dan menggunakan teknologi terkini;
- ii. Memanfaatkan khidmat kepakaran penyelidik bagi menyelesaikan masalah di industri;
- iii. Meningkatkan keupayaan inovasi dan produktiviti melalui penambahbaikan sistem dan proses; dan
- iv. Membangunkan kapasiti penyelidik melalui pendedahan kepada keperluan sebenar di industri.

## 1.7 Kaedah Pelaksanaan

1.7.1 Program RISE dirangka dengan tiga (3) kaedah pelaksanaan, iaitu :

- i. Penempatan sepenuh masa;
- ii. Penempatan tidak sepenuh masa; dan
- iii. Penempatan secara gabungan.

1.7.2 Bagi kaedah pelaksanaan pertama, mekanisme penempatan adalah secara sepenuh masa seperti di **Rajah 1**.



**Rajah 1 : Kaedah pelaksanaan RISE dengan mekanisme penempatan sepenuh masa**

- 1.7.3 Melalui kaedah pelaksanaan ini, Kerajaan akan menempatkan penyelidik dari institusi penyelidikan awam secara sepenuh masa di industri bagi tempoh maksimum satu (1) tahun. Sekiranya wujud keperluan, tempoh penempatan penyelidik boleh dipanjangkan untuk tempoh satu (1) tahun lagi. Kos penempatan penyelidik seperti gaji dan elaun tetap akan ditanggung oleh Kerajaan melalui institusi penyelidikan awam yang berkenaan. Manakala, kos R&D, sekiranya ada dan tuntutan perjalanan yang berkaitan akan ditanggung oleh industri yang berkenaan.
- 1.7.4 Bagi tujuan tersebut, pepadanan penempatan akan dibuat setelah menilai permohonan daripada industri yang mengemukakan permasalahan berkaitan proses, produk atau perkhidmatan. Sekiranya bersesuaian dan terdapat kepakaran penyelidik, Kerajaan akan menempatkan penyelidik berkenaan di industri bagi berkongsi kepakaran melalui pendekatan yang dinyatakan di para 1.4.
- 1.7.5 Melalui pepadanan ini, kedua-dua pihak akan memperolehi manfaat bersama di mana pihak industri akan dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan perkongsian kepakaran dari institusi penyelidikan awam, manakala penyelidik akan lebih memahami kehendak serta keperluan industri.
- 1.7.6 Bagi kaedah pelaksanaan kedua, mekanisme penempatan adalah secara tidak sepenuh masa seperti di **Rajah 2**. Pelaksanaan kaedah kedua ini masih sama sebagaimana kaedah pertama dari segi tanggung jawab membiayai kos, proses permohonan, pepadanan penyelidik dan peranan kedua-dua pihak. Tempoh penempatan penyelidik di bawah kaedah ini juga adalah sama seperti kaedah pertama iaitu maksimum satu (1) tahun dan dibenarkan untuk pelanjutan tempoh sehingga satu (1) tahun lagi.



**Rajah 2 : Kaedah pelaksanaan RISE dengan mekanisme penempatan tidak sepenuh masa**

- 1.7.7 Melalui kaedah ini, penyelidik masih bertugas secara sepenuh masa di institusi penyelidikan awam masing-masing, namun dalam masa yang sama mereka akan dipadankan untuk membantu industri yang telah ditetapkan melalui perkongsian kepakaran secara tidak sepenuh masa.
- 1.7.8 Seterusnya, program RISE juga menawarkan kaedah penempatan ketiga yang menggabungkan mekanisme penempatan sepenuh masa dan tidak sepenuh masa seperti di **Rajah 3**. Melalui kaedah ini, penempatan penyelidik di industri adalah lebih anjal di mana mekanisme pelaksanaan boleh dibuat secara gabungan sepenuh masa atau tidak sepenuh masa bagi tempoh maksimum satu (1) tahun. Sekiranya wujud keperluan, tempoh tersebut boleh dilanjutkan sehingga satu (1) tahun lagi. Sebagai contoh, seseorang penyelidik boleh ditempatkan secara sepenuh masa selama tiga (3) bulan pada peringkat permulaan penempatan diikuti dengan penempatan secara tidak sepenuh masa sehingga tamat projek penyelidikan. Namun demikian, tempoh tersebut masih tertakluk kepada maksimum satu (1) tahun secara keseluruhan atau berdasarkan keperluan, dengan perlanjutan satu (1) tahun lagi.



**Rajah 3 : Kaedah pelaksanaan RISE dengan mekanisme penempatan secara gabungan sepenuh masa dan tidak sepenuh masa**

## 1.8 Pembiayaan

1.8.1 Bagi program RISE ini, Kerajaan tidak menyediakan dana pembiayaan khusus bagi melaksanakan penyelesaian masalah sama ada melalui penyelidikan atau bukan penyelidikan. Namun demikian, Kerajaan memberikan komitmen untuk membiayai kos penempatan penyelidik yang memberikan perkongsian kepakaran kepada pihak industri.

1.8.2 Dalam masa yang sama, pihak industri juga disyorkan untuk memberikan elaun khas kepada penyelidik yang ditempatkan kepada mereka sebagai dorongan dan membantu menyuburkan inisiatif kerjasama antara pihak Kerajaan dan industri ini.



## **1.8 Sekretariat RISE**

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut mengenai program RISE ini boleh terus dengan seretariat di MESTECC seperti berikut :

### **Sekretariat RISE**

Bahagian Pembangunan Bakat STI

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

Aras 2, Blok C5, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

**62662 PUTRAJAYA**

No. Tel : 03-88858069

## **BAHAGIAN 2**

### **PERMOHONAN**

#### **2.1 Industri**

##### **2.1.1 Syarat permohonan**

Syarat permohonan bagi program RISE ini adalah seperti berikut :

- i. Permohonan ini adalah terbuka sepanjang tahun;
- ii. Terbuka kepada semua perniagaan yang berdaftar di Malaysia;
- iii. Industri mestilah mendaftarkan permohonan projek secara atas talian melalui laman web [www.rise.mestecc.gov.my](http://www.rise.mestecc.gov.my).

##### **2.1.2 Kriteria pertimbangan**

Kriteria asas pertimbangan adalah seperti berikut :

- i. Borang permohonan projek hendaklah lengkap;
- ii. Permasalahan mestilah jelas dan memerlukan kepakaran teknologi/teknikal bagi tujuan penambahbaikan dan penambahan nilai;
- iii. Projek boleh disiapkan dalam tempoh maksimum 2 tahun;
- iv. Terdapat kepakaran bidang yang berkenaan di kalangan penyelidik di institusi penyelidikan awam.

## **2.2 Penyelidik**

### **2.2.1 Syarat permohonan**

Penyelidik yang berminat untuk menyertai program ini hendaklah memenuhi syarat permohonan seperti berikut :

- i. Terbuka kepada penyelidik bertaraf tetap di institusi penyelidikan awam;
- ii. Tempoh perkhidmatan penyelidik berbaki sekurang-kurangnya 24 bulan daripada tarikh pendaftaran penyelidik;
- iii. Penyelidik perlu mendaftarkan maklumat diri, perkhidmatan dan kepakaran melalui laman web [www.rise.mestecc.gov.my](http://www.rise.mestecc.gov.my).

## **BAHAGIAN 3**

### **PENILAIAN**

#### **3.1 Jawatankuasa Pemandu RISE**

3.1.1 Jawatankuasa Pemandu RISE merupakan jawatankuasa tertinggi di peringkat Kementerian yang berperanan membincangkan hala tuju program RISE dan menetapkan perkara-perkara dasar yang perlu dilaksanakan dalam menambak program ini.

3.1.2 Keahlian Jawatankuasa Pemandu RISE terdiri daripada :

- i. Timbalan Ketua Setiausaha (STI) – Pengerusi
- ii. Ketua Jabatan/Agensi

Urus setia : Bahagian Pembangunan Bakat STI, MESTECC

3.1.3 Terma rujukan Jawatankuasa ini adalah seperti di **Lampiran A**.

#### **3.2 Peringkat Tapisan**

Permohonan yang dikemukakan oleh pihak industri akan melalui dua (2) peringkat penilaian, iaitu :

- i. Tapisan awal urus setia;
- ii. Penilaian Jawatankuasa Teknikal; dan

### **3.3 Tapisan Awal Urus Setia**

3.3.1 Pada peringkat ini, setiap permohonan yang dikemukakan oleh pihak industri akan ditapis berdasarkan syarat berikut :

- i. Borang permohonan lengkap
- ii. Syarikat berdaftar di Malaysia

3.3.2 Seterusnya, permohonan yang memenuhi kriteria ini akan diangkat untuk penilaian Jawatankuasa Teknikal. Manakala, surat pemberitahuan permohonan ditolak akan dikemukakan kepada syarikat yang tidak memenuhi syarat.

### **3.4 Jawatankuasa Teknikal**

3.4.1 Jawatankuasa Teknikal RISE adalah jawatankuasa di peringkat Jabatan/ Agensi yang bertanggungjawab menilai dan mempertimbangkan permohonan berdasarkan kesesuaian masalah, ketersediaan teknologi dan kepakaran. Jawatankuasa ini terdiri daripada :

- i. Ketua Jabatan/Agensi – Pengerusi;
- ii. Timbalan Ketua Jabatan/Agensi;
- iii. Wakil Bahagian atau bidang kepakaran;
- iv. Wakil Jabatan/Agensi lain sekiranya melibatkan kepakaran luar;  
dan
- v. Wakil urus setia RISE di peringkat Kementerian.

Urus setia : Koordinator RISE di Jabatan/Agensi

3.4.2 Pada peringkat ini, permohonan yang memenuhi syarat tapisan awal urus setia akan dipelawa untuk membentangkan permohonan mereka sekiranya perlu bagi memberikan penjelasan mengenai masalah yang

ingin diselesaikan kepada Jawatankuasa Teknikal. Penilaian akan dibuat berdasarkan kepada kriteria pertimbangan berikut :

- i. Kesesuaian masalah;
- ii. Ketersediaan kepakaran dan penyelidik;
- iii. Kos yang terlibat; dan
- iv. Jangkaan tempoh masa penyelesaian serta impak kepada industri dan Negara.

3.4.3 Terma rujukan jawatan kuasa ini adalah seperti di **Lampiran B**.

3.5 Dalam menilai permohonan daripada pihak industri, berikut adalah permohonan yang tidak dipertimbangkan oleh RISE :

- i. Permasalahan yang melibatkan penyelesaian *off-the-shelve solutions* atau penyelesaian melalui teknologi yang telah ada di pasaran;
- ii. Permasalahan yang tidak melibatkan teknologi;
- iii. Projek yang berbentuk penyelidikan asas dan eksploratif;
- iv. Projek yang berbentuk ujian klinikal;
- v. Projek yang melibatkan pembelian fasiliti dan aset sebagai penyelesaian.

## BAHAGIAN 4

### KEPUTUSAN DAN PENEMPATAN

#### 4.1 Pemberitahuan Keputusan

4.1.1 Surat pemberitahuan keputusan permohonan dan pepadanan penyelidik akan dihantar oleh urus setia RISE di peringkat Kementerian kepada industri dan institusi penyelidikan serta disalinkan kepada penyelidik.

#### 4.2 Rundingan Terma dan Syarat Penempatan

4.2.1 Setelah keputusan mengenai permohonan dikeluarkan pihak urus setia, institusi penyelidikan awam dan industri hendaklah dengan segera mengadakan rundingan mengenai terma dan syarat penempatan. Rundingan dibuat bagi memastikan kedua-dua pihak mendapat manfaat bersama dan mengelakkan berlakunya konflik selepas penempatan penyelidik tamat.

4.2.2 Rundingan terma dan syarat ini termasuklah mengenai peranan, skop, jadual perbatuan, penetapan objektif yang akan dicapai, keperluan fasiliti, hak cipta dan pembahagian keuntungan (sekiranya ada) serta perkara-perkara mengenai perkhidmatan, kemudahan, cuti dan elaun penyelidik. Cadangan terma dan syarat perkhidmatan adalah seperti di **Lampiran C**.

4.2.3 Terma dan syarat penempatan yang disepakati oleh pihak Jabatan/Agensi dengan pihak industri hendaklah dikemukakan untuk semakan Unit Penasihat Undang-undang MESTECC bagi memastikan kepentingan Kerajaan dan penjawat awam yang terpelihara.

### **4.3 Surat Tawaran dan Arahan Melaporkan Diri**

- 4.3.1 Pihak industri akan mengeluarkan surat tawaran kepada penyidik beserta terma dan syarat yang telah dipersetujui melalui Ketua Perkhidmatan penyidik.
- 4.3.2 Ketua Perkhidmatan penyidik seterusnya akan mengeluarkan arahan melapor diri kepada penyidik pada tarikh yang dipersetujui bersama antara institusi penyelidikan dan pihak industri.
- 4.3.3 Penyidik hendaklah melaporkan diri mulai tarikh kuat kuasa yang ditetapkan.



## **BAHAGIAN 5**

### **PEMANTAUAN**

#### **5.1 Pemantauan Penempatan Penyelidik**

- 5.1.1 Bagi memastikan program RISE ini memberikan manfaat yang dihasratkan bagi kedua-dua pihak, Kementerian dan Jabatan/Agensi akan melaksanakan pemantauan yang berterusan.
- 5.1.2 Pemantauan akan dilaksanakan berdasarkan kepada jadual perbatuan dan objektif yang telah ditetapkan dan dipersetujui bersama oleh kedua-dua belah pihak sebelum penempatan dibuat.
- 5.1.3 Disamping itu, pelaporan secara berkala juga hendaklah dikemukakan kepada pihak urus setia menggunakan template pelaporan yang disediakan.
- 5.1.4 Sekretariat RISE juga boleh melakukan penaziran boleh dilakukan bagi memastikan pelaburan Kerajaan dalam program RISE mencapai objektif yang digariskan.
- 5.1.5 Segala dapatan melalui pemantauan ini akan dilaporkan kepada Jawatankuasa Pemandu RISE untuk makluman atau mendapatkan keputusan sekiranya diperlukan.

## **BAHAGIAN 6**

### **PERANAN**

#### **6.1 Peranan dan Tanggungjawab Industri**

- 6.1.1 Memberikan maklumbalas setuju terima tawaran pada masa yang ditetapkan oleh Kementerian.
- 6.1.2 Mengemukakan maklumbalas kemajuan projek dan maklumbalas akhir selepas penyerahan teknologi daripada penyelidik.
- 6.1.3 Memberikan komitmen pembayaran tuntutan elaun sebagaimana yang dipersetujui dalam setuju terima tawaran.
- 6.1.4 Memberikan kerjasama sewajarnya terhadap pelaksanaan projek termasuk memberi akses fasiliti, premis dan maklumat berkaitan projek kepada penyelidik.
- 6.1.5 Menerima lawatan naziran dari pihak urusetia bagi projek yang terpilih.
- 6.1.6 Menghadiri sesi pembentangan kepada Jawatankuasa Teknikal.
- 6.1.7 Menjaga kerahsiaan maklumat yang diperolehi daripada penyelidik dan agensi.

#### **6.2 Peranan dan Tanggungjawab Penyelidik**

- 6.2.1 Memberikan maklumbalas setuju terima tawaran pada masa yang ditetapkan.
- 6.2.2 Menyiapkan projek dalam tempoh masa yang dipersetujui.
- 6.2.3 Sentiasa memaklumkan rakan kerjasama industri tentang kemajuan projek.
- 6.2.4 Menjaga kerahsiaan maklumat yang diperolehi daripada industri.

### **6.3 Peranan dan Tanggungjawab Jabatan/Agensi**

- 6.3.1 Memastikan permasalahan industri jelas, berbentuk teknikal / teknologi.
- 6.3.2 Membantu urus setia RISE di Kementerian mempromosi dan mendapatkan penyertaan industri yang mempunyai permasalahan teknikal / teknologi.
- 6.3.3 Menyediakan senarai penyelidik bagi tujuan penempatan.
- 6.3.4 Memastikan urusan berkaitan perkhidmatan penyelidik diurus sewajarnya sepanjang tempoh penempatan.

### **6.4 Peranan dan tanggungjawab Urus setia**

- 6.4.1 Mengedarkan permasalahan teknologi daripada kepada penyelidik yang berpotensi.
- 6.4.2 Memastikan penyelidik memenuhi syarat kelayakan permohonan.
- 6.4.3 Melaksanakan pemantauan bagi memastikan penempatan mengikut terma, syarat, skop dan jadual perbatuan yang ditetapkan.
- 6.4.4 Mengesahkan laporan kemajuan projek dan laporan akhir projek.
- 6.4.5 Menyelaras isu-isu berbangkit berkenaan penempatan untuk makluman dan keputusan jawatankuasa penilaian dan pepadanan.
- 6.4.6 Memastikan industri turut memberikan komitmen sewajarnya dalam pelaksanaan projek sebagaimana terma dan syarat yang dipersetujui.

**TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA PEMANDU  
PROGRAM RESEARCHER-INDUSTRY SCIENTIFIC EXCHANGE**

**1. TUJUAN**

Jawatankuasa Pemandu merupakan jawatankuasa tertinggi di peringkat kementerian yang berperanan membincangkan hala tuju program *Researcher-Industry Scientific Exchange* (RISE) dan menetapkan perkara-perkara dasar yang perlu dilaksanakan dalam menambaik program ini.

**2. LANTIKAN**

Ahli Jawatankuasa Pemandu dilantik oleh Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC).

**3. KEAHLIAN**

3.1 Jawatankuasa Pemandu ini dianggotai oleh ahli-ahli seperti berikut:

AHLI

- |     |   |        |
|-----|---|--------|
| i.  | Timbalan Ketua Setiausaha (STI)<br>Pengerusi<br>MESTECC | -      |
| ii. | Ketua Jabatan/Agensi<br>MESTECC                         | - Ahli |

URUS SETIA

- |      |   |   |
|------|---|---|
| iii. | Setiausaha Bahagian<br>Setiausaha<br>Bahagian Pembangunan Bakat STI | - |
|------|---|---|

3.2 Pelantikan sebagai ahli jawatankuasa ini adalah diatas nama jawatan.

3.3 Pengerusi hendaklah mempengerusikan setiap mesyuarat.

3.4 Korum Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu terbentuk dengan kehadiran tiga (3) orang ahli termasuk pengerusi.

- 3.5 Ahli yang tidak dapat hadir boleh menghantar wakil bagi menyampaikan pandangan tetapi tidak dikira sebagai memenuhi korum.
- 3.6 Catatan minit mesyuarat hendaklah disediakan oleh Setiausaha dan diedar kepada ahli.

#### **4. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB**

- 4.1 Menentukan dasar dan hala tuju keseluruhan program RISE.
- 4.2 Menetapkan peraturan dan garis panduan pelaksanaan program RISE.
- 4.3 Membincangkan isu-isu berbangkit sepanjang pelaksanaan program RISE.
- 4.4 Membincangkan cadangan penambahbaikan program RISE.
- 4.5 Memantau serta menilai kemajuan dan keberkesanan penempatan penyelidik dan pakar di industri.

#### **5. *NON-DISCLOSURE AGREEMENT (NDA) DAN INTEGRITY PACT***

Ahli Jawatankuasa perlu menandatangani *Non-Disclosure Agreement (NDA)* dan *Integrity Pact* untuk melindungi kerahsiaan:

- 5.1 Kertas kerja yang dihantar oleh pemohon;
- 5.2 Prosiding dan keputusan penilaian; dan
- 5.3 Semua bentuk maklumat yang didedahkan secara langsung atau tidak langsung sepanjang sesi penilaian.

#### **6. *CONFLICT OF INTEREST***

Ahli Jawatankuasa hendaklah sentiasa memberikan perhatian terhadap tindakan yang boleh dianggap berlaku *conflict of interest* dalam pelaksanaan program RISE ini. Percanggahan kepentingan ditakrifkan sebagai apa-apa keadaan di mana ahli jawatankuasa mempunyai kepentingan langsung atau kepentingan-kepentingan lain yang mempengaruhi atau berkemungkinan mempengaruhi pertimbangan yang sepatutnya dalam pelaksanaan program ini. Mana-mana ahli jawatankuasa yang mempunyai kepentingan hendaklah mengemukakan jenis kepentingan kepada urus setia dan akan dikecualikan sebagai ahli jawatankuasa.

## **7. KEKERAPAN MESYUARAT**

Mesyuarat bersidang mengikut suku tahun dengan kekerapan sekurang-kurangnya 4 kali setahun atau mengikut keperluan semasa.

## **8. KEPUTUSAN MESYUARAT**

Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu adalah muktamad.

## **9. PEMAKAIAN**

Terma rujukan ini diguna pakai mulai 1 Februari 2019.

**Disediakan oleh :**

Bahagian Pembangunan Bakat STI  
MESTECC

**TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA TEKNIKAL  
PROGRAM RESEARCHER-INDUSTRY SCIENTIFIC EXCHANGE**

**1. TUJUAN**

Jawatankuasa Teknikal merupakan jawatankuasa di peringkat Jabatan/Agensi yang menilai dan mempertimbangkan permohonan pihak industri bagi pepadanan khidmat kepakaran penyelidik dalam penyelesaian masalah di industri di bawah Program Researcher-Industry Scientific Exchange (RISE)

**2. LANTIKAN**

Ahli Jawatankuasa Teknikal RISE dilantik oleh Ketua Jabatan/Agensi.

**3. KEAHLIAN**

3.1 Jawatankuasa Teknikal ini dianggotai oleh ahli-ahli seperti berikut:

AHLI

- |      |   |             |
|------|---|-------------|
| iv.  | Ketua Jabatan/Agensi                      | - Pengerusi |
| v.   | Timbalan Ketua Jabatan/Agensi             | - Ahli      |
| ii.  | Wakil Bahagian / Bidang Kepakaran         | - Ahli      |
| vi.  | Wakil Jabatan/Agensi luar sekiranya perlu | - Ahli      |
| vii. | Wakil urusetia RISE di MESTECC            | - Ahli      |

URUS SETIA

- |       |                                    |              |
|-------|------------------------------------|--------------|
| viii. | Koordinator RISE di Jabatan/Agensi | - Setiausaha |
|-------|------------------------------------|--------------|

3.2 Pelantikan ahli Jawatankuasa Teknikal adalah atas nama jawatan.

3.3 Pengerusi hendaklah mempengerusikan setiap mesyuarat. Sekiranya beliau tidak dapat hadir, beliau boleh menanggung atau mengarahkan mana-mana timbalannya sebagai pengerusi ganti.

3.4 Korum Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal terbentuk dengan kehadiran tiga (3) orang ahli tetap atau wakil.

3.5 Sekiranya penyelesaian masalah industri memerlukan kepakaran dari Jabatan/Agensi lain, wakil dari Jabatan/Agensi yang berkenaan hendaklah turut dijemput menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ini.

#### **4. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA TEKNIKAL**

4.1 Menghadiri sesi pembentangan oleh pihak industri bagi permohonan penempatan penyelidik di bawah program RISE.

4.2 Menilai dan mempertimbangkan cadangan penempatan penyelidik kepada industri berdasarkan masalah yang dibentangkan serta ketersediaan penyelidik dan kepakaran.

#### **5. PENGUNDIAN DAN KEPUTUSAN**

Keputusan yang diambil perlu melalui kata sepakat dan diselaraskan oleh Pengerusi Jawatankuasa Teknikal. Pengerusi mempunyai kata putus jika kata sepakat tidak dicapai.

#### **6. *NON-DISCLOSURE AGREEMENT (NDA) DAN INTEGRITY PACT***

Ahli Jawatankuasa perlu menandatangani *Non-Disclosure Agreement (NDA)* dan *Integrity Pact* untuk melindungi kerahsiaan:

6.1 Kertas kerja yang dihantar oleh pemohon;

6.2 Prosiding dan keputusan penilaian; dan

6.3 Semua bentuk maklumat yang didedahkan secara langsung atau tidak langsung sepanjang sesi penilaian.

#### **7. *CONFLICT OF INTEREST***

Ahli Jawatankuasa tidak boleh menilai kertas kerja yang mana mereka mempunyai *conflict of interest*. Percanggahan kepentingan ditakrifkan sebagai apa-apa keadaan di mana ahli jawatankuasa mempunyai kepentingan langsung atau lain-lain kepentingan yang mempengaruhi atau berkemungkinan mempengaruhi pertimbangan yang sepatutnya di dalam proses penilaian. Mana-mana ahli jawatankuasa yang mempunyai kepentingan hendaklah mengemukakan jenis kepentingan kepada sekretariat dan akan dikecualikan sebagai ahli jawatankuasa.



## **8. PANDUAN PENILAIAN**

Jawatankuasa perlu menimbang dan meluluskan permohonan melalui pembentangan oleh pemohon berdasarkan:

- i. Kesesuaian masalah;
- ii. Ketersediaan kepakaran
- iii. Kos yang terlibat; dan
- iv. Jangkaan tempoh masa penyelesaian serta impak kepada industri dan Negara

## **9. PEMAKAIAN**

Terma rujukan ini diguna pakai mulai 1 April 2019.

**Disediakan oleh :**

Urus setia RISE  
Bahagian Pembangunan Bakat STI  
MESTECC

**KOMPONEN INISIATIF RESEARCHER-INDUSTRY SCIENTIFIC EXCHANGE (RISE)**

<b>KOMPONEN</b>	<b>SEPENUH MASA</b>	<b>TIDAK SEPENUH MASA</b>	<b>GABUNGAN</b>
<b>Tempoh</b>	Maksimum satu (1) tahun dan dibenarkan untuk pelanjutan tempoh sehingga satu (1) tahun lagi.		
<b>Kaedah</b>	Berdasarkan PP 5/2011 : Program Penempatan Silang Perkhidmatan	Tugasan Luar Pejabat	Berdasarkan PP 5/2011 : Program Penempatan Silang & Tugasan Luar Pejabat
<b>Penyelidik</b>	Penyelidik Gred Q44-54/G11-G8		
<b>Kaedah Perkongsian</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyelidikan</li> <li>• Konsultansi</li> <li>• Pemindahan Teknologi</li> <li>• Latihan</li> </ul>		

### CADANGAN TERMA DAN SYARAT PERKHIDMATAN

KOMPONEN	SEPENUH MASA	TIDAK SEPENUH MASA	GABUNGAN
<b>Mekanisme Penempatan</b>	Sepenuh masa penempatan di industri.	Tidak sepenuh masa (dengan penempatan atau tanpa penempatan).	Sepenuh masa dan tidak sepenuh masa (dengan penempatan atau tanpa penempatan).
<b>Gaji</b>	Dibayar oleh RI.		
<b>Imbuhan Tetap</b>	Dibayar oleh RI.		
<b>Elaun Dan Bayaran Insentif</b>	Layak dibayar oleh RI berdasarkan prinsip dan kriteria yang berkuat kuasa.		
<b>Elaun Khas</b>	Pihak industri boleh memberi Elaun Khas pada kadar yang dipersetujui sebelum penempatan.		
<b>Tuntutan Perjalanan</b>	Tuntutan perjalanan dibayar oleh pihak industri.	Tuntutan perjalanan dibayar oleh RI atau pihak industri bergantung kepada tugasan.	
<b>Cuti</b>	Kelayakan cuti tidak berubah. Pentadbiran dan kelulusan oleh pihak industri kecuali yang memerlukan kelulusan Ketua Jabatan.	Kelayakan cuti tidak berubah. Pentadbiran dan kelulusan oleh RI.	
<b>Kemudahan Kediaman</b>	Layak terus menduduki rumah kerajaan/ kuarters. Pihak industri boleh menawarkan kemudahan kediaman sekiranya ada		

<b>Kemudahan Perubatan</b>	<p>Layak terima kemudahan perubatan Kerajaan/ sedia ada berdasarkan peraturan berkuat kuasa.</p> <p>Pihak industri boleh mempertimbangkan kemudahan perubatan di klinik/hospital panel.</p>	<p>Layak terima kemudahan perubatan Kerajaan/ sedia ada berdasarkan peraturan berkuat kuasa.</p>	<p>Layak terima kemudahan perubatan Kerajaan/ sedia ada berdasarkan peraturan berkuat kuasa.</p> <p>Pihak industri boleh mempertimbangkan kemudahan perubatan di klinik/hospital panel.</p>
<b>Kemudahan Lain</b>	<p>Layak memohon kemudahan seperti pinjaman perumahan, kenderaan dan komputer berdasarkan kelayakan yang di tetapkan oleh Kerajaan/ sedia ada di RI.</p>		
<b>Bantuan Khas Kewangan/ Imbuhan Tahunan/ Bayaran Khas Prestasi/ Bonus</b>	<p>Layak dipertimbangkan BKK/ IT/ BKP/ Bonus oleh Kerajaan/ RI sekiranya ada. Pihak industri boleh mempertimbangkan bonus mengikut kadar yang ditetapkan.</p>		
<b>Waktu Bekerja</b>	<p>Tertakluk kepada waktu bekerja ditetapkan oleh pihak industri.</p>	<p>Tertakluk kepada waktu bekerja yang dipersetujui bersama RI dan pihak industri.</p>	
<b>Pematuhan Peraturan Dan Tatatertib</b>	<p>Tertakluk kepada peraturan perkhidmatan awam/ sedia ada dan dan peraturan yang dikeluarkan oleh pihak industri.</p>		

<b>Kursus/ Latihan</b>	Boleh diarah untuk menjalani latihan oleh pihak industri dan kos ditanggung oleh pihak industri. Pihak industri boleh mempertimbangkan pelepasan untuk menjalani latihan/ tugas yang diarahkan oleh RI. Permohonan kursus yang tidak diwajibkan oleh skim perkhidmatan adalah tidak dibenarkan.
<b>Kenaikan Pangkat</b>	Boleh dipertimbangkan kenaikan pangkat di perkhidmatan hakiki
<b>Kekananan</b>	Kekananan penyelidik tidak berubah.
<b>Perlindungan Bencana Kerja</b>	Layak menuntut pampasan Skim Ex-Gratia Bencana Kerja bagi perkhidmatan awam persekutuan atau skim pampasan berkuat kuasa. Pihak industri boleh menyediakan polisi perlindungan insurans.
<b>Pemendekan/ Penamatan Tempoh Penempatan</b>	Atas persetujuan bersama RI dan pihak industri. Notis secara bertulis sekurang-kurangnya 30 hari dikemukakan oleh pihak industri kepada penyelidik. Dalam keadaan tertentu, RI dan pihak industri boleh memendekkan tempoh notis dan menamatkan penempatan serta merta.
<b>Faedah Persaraan</b>	Faedah persaraan atau faedah terbitan berdasarkan undang-undang/ peraturan pencen yang berkuat kuasa.